

21 NOV 2001

Agong-Mangkat

AGONG KE-11 MANGKAT, NEGARA BERKABUNG SEMINGGU

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong ke-11, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mangkat di Pusat Rawatan Gleneagles Intan di sini hari ini setelah gering selama dua bulan kerana masalah jantung.

Seri Paduka Baginda yang berusia 75 tahun, menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 11.57 pagi, setelah lima hari dalam keadaan kritikal dan terpaksa menggunakan alat bantuan penafasan dan mesin dialisis.

Kemangkatan Seri Paduka diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerusi siaran langsung RTM ke seluruh negara pada 1.55 petang ini.

Kerajaan mengisytiharkan tempoh berkabung selama tujuh hari mulai hari ini dengan bendera dikibarkan separuh tiang. Semua acara rasmi kerajaan hari ini dan esok dibatalkan.

Bagi memberi peluang kepada rakyat menziarahi jenazah Almarhum di Istana Negara, kerajaan mengisytiharkan esok sebagai cuti umum.

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, yang juga Sultan Selangor selama 41 tahun, menghadapi masalah lemah jantung yang serius sejak 6 Okt dan diberi rawatan di Hospital Mount Elizabeth di Singapura selama lapan minggu, iaitu tujuh minggu sebagai pesakit dalam dan seminggu sebagai pesakit luar.

Bagaimanapun, sejak 15 Okt, keadaan Seri Paduka semakin tenat apabila buah pinggangnya tidak berfungsi.

Pada 5.30 pagi, 18 Nov, Baginda diterbangkan balik dari Singapura dan dimasukkan ke Pusat Rawatan Gleneagles Intan di sini.

Seri Paduka terus memerlukan bantuan penafasan dan diletakkan di Unit Jagaan Koronari. Penafasan dan fungsi buah pinggang baginda dibantu oleh alat-alat khas.

Seri Paduka dirawat oleh sepasukan 20 pakar dari Hospital Kuala Lumpur, Institut Jantung Negara, Hospital Selayang dan Hospital Kajang dengan dibantu tujuh pakar dari Pusat Rawatan Gleneagles Intan sehinggalah baginda mangkat pagi tadi.

-- BERNAMA

MFJ AHH MAI